

05 APR 2001

Mustapa-Teknikal

TINGKATKAN DAYA SAING MELALUI TENAGA LEBIH MAHIR

KOTA BAHARU, 5 April (Bernama) -- Malaysia perlu meningkatkan lagi daya saing, kecekapan dan daya pengeluarannya untuk membolehkannya mencapai kejayaan yang lebih besar dalam perdagangan antarabangsa, kata Penasihat Ekonomi Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) Datuk Mustapa Mohamed.

Beliau berkata bagi tujuan tersebut negara memerlukan lebih ramai tenaga profesional tempatan yang mahir, khususnya dalam bidang teknikal.

Latihan yang ditawarkan kepada pelajar perlu bertepatan dengan kehendak pasaran buruh kerana jika perkara itu tidak diambil kira, ia merupakan suatu pembaziran, katanya kepada pemberita selepas menyampaikan sijil dan diploma pada majlis konvokesyen ke-14 Politeknik Kota Baharu di sini hari ini.

Pada majlis itu lebih 1,000 pelajar menerima diploma dan sijil masing-masing.

Mustapa berkata negara tidak boleh lagi mengeluarkan terlalu ramai graduan dalam bidang umum yang tiada kemahiran.

Malaysia kini adalah antara negara perdagangan besar dunia dan untuk meningkatkan pencapaian itu, ia perlu meningkatkan kemahiran pekerjaanya bagi membolehkannya terus bersaing di pasaran global, katanya.

Langkah kerajaan meningkatkan perkembangan ekonomi sebagaimana yang diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad khususnya dengan rancangan membina beberapa kolej komuniti di seluruh negara baru-baru ini adalah selaras dengan hasrat meningkatkan kemahiran pekerja, katanya.

Mustapa berkata tenaga kerja yang mempunyai kemahiran bukan sahaja mudah mendapatkan pekerjaan tetapi mereka juga boleh bekerja sendiri dengan menjadi usahawan.

Lulusan sekolah teknikal mempunyai peluang pekerjaan yang lebih luas berbanding dengan mereka yang belajar dalam bidang umum, katanya.

Beliau berkata lazimnya graduan yang sukar mencari pekerjaan adalah mereka yang mengikuti kursus dalam bidang yang tidak disertai dengan latihan kemahiran.

Kerajaan memberi komitmen untuk memperbanyakkan kolej komuniti dan kemahiran teknikal kerana mendapati berlaku kekurangan yang agak besar dalam penawaran pekerja mahir dan teknikal di negara ini, katanya.

--BERNAMA

SM BD MOZ